5.13	Mikrograf SEM pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4)_x$ yang disinter pada suhu $850\text{ }^\circ\text{C}$ selama 48 jam. Titik putih menunjukkan taburan nanozarah $\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$	82
5.14	Mikrograf SEM pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ yang disinter pada $845\text{ }^\circ\text{C}$ selama 50 jam	83
5.15	Lakaran Model Suis Landasan Keretapi yang telah diubahsuai	84
5.16	Mikrograf SEM pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{NiF}_2)_{0.04}$ yang disinter selama (a) 50 jam dan (b) 100 jam. Titik putih menunjukkan taburan nanozarah $\text{NiF}_2$	85
5.17	Mikrograf SEM pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{CoFe}_2\text{O}_4)_{0.01}$ yang disinter selama (a) 50 jam dan (b) 100 jam. Titik putih menunjukkan taburan nanozarah $\text{CoFe}_2\text{O}_4$	86
5.18	Mikrograf SEM pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4)_{0.01}$ yang disinter selama (a) 50 jam dan (b) 100 jam. Titik putih menunjukkan taburan nanozarah $\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$	87
5.19	Perubahan rintangan elektrik melawan suhu pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{NiF}_2)_x$	90
5.20	Perubahan rintangan elektrik melawan suhu pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{CoFe}_2\text{O}_4)_x$	92
5.21	Perubahan rintangan elektrik melawan suhu pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4)_x$	94
5.22	Perubahan $T_{c\text{-sifar}}$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan penambahan nanozarah $\text{NiF}_2$ , $\text{CoFe}_2\text{O}_4$ dan $\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$	95

5.23	Ketumpatan arus genting, $J_c$ melawan suhu dalam medan sifar bagi sampel pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{NiF}_2)_x$ pada suhu 30, 40, 50, 60, 70 dan 77 K	97
5.24	$J_c$ melawan suhu dalam medan sifar pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{CoFe}_2\text{O}_4)_x$	99
5.25	$J_c$ melawan suhu dalam medan sifar pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4)_x$	101
5.26	$J_c$ dalam medan sifar melawan amaun penambahan nanozarah pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ pada suhu 30 K	103
5.27	$J_c$ dalam medan sifar melawan amaun penambahan nanozarah pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ pada suhu 77 K	103
5.28	Graf $\ln [R/R_{110}]$ melawan $1/T$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{NiF}_2)_x$	105
5.29	Tenaga pengepitan fluks dan $J_c$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{NiF}_2)_x$	105
5.30	Graf $\ln [R/R_{110}]$ melawan $1/T$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{CoFe}_2\text{O}_4)_x$	106
5.31	Tenaga pengepitan fluks dan $J_c$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{CoFe}_2\text{O}_4)_x$	106
5.32	Graf $\ln [R/R_{110}]$ melawan $1/T$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4)_x$	107
5.33	Tenaga pengepitan fluks dan $J_c$ pelet $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}(\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4)_x$	107
5.34	$J_c$ dalam medan sifar melawan suhu pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ tanpa tambahan nanozarah dan sampel dengan penambahan nanozarah $\text{NiF}_2$ yang disinter selama 50 dan 100 jam	110
5.35	$J_c$ dalam medan sifar melawan suhu pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ tanpa tambahan nanozarah dan sampel dengan penambahan nanozarah $\text{CoFe}_2\text{O}_4$ yang disinter selama 50 dan 100 jam	111
5.36	$J_c$ dalam medan sifar melawan suhu pita $(\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4})\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ tanpa tambahan nanozarah dan sampel dengan penambahan nanozarah $\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$ yang disinter selama 50 dan 100 jam	112



5.37	$J_c$ melawan medan magnet berselari, $B_{\parallel}$ bagi pita ( $\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4}$ ) $\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan $\text{NiF}_2$ pada 77 K	117
5.38	$J_c$ melawan medan magnet berserenjang, $B_{\perp}$ bagi pita ( $\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4}$ ) $\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan $\text{NiF}_2$ pada 77 K	117
5.39	$J_c$ melawan medan magnet berselari, $B_{\parallel}$ bagi pita ( $\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4}$ ) $\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan $\text{CoFe}_2\text{O}_4$ pada 77 K	120
5.40	$J_c$ melawan medan magnet berserenjang, $B_{\perp}$ bagi pita ( $\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4}$ ) $\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan $\text{CoFe}_2\text{O}_4$ pada 77 K	120
5.41	$J_c$ melawan medan magnet berselari, $B_{\parallel}$ bagi pita ( $\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4}$ ) $\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan $\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$ pada 77 K	123
5.42	$J_c$ melawan medan magnet berserenjang, $B_{\perp}$ bagi pita ( $\text{Bi}_{1.6}\text{Pb}_{0.4}$ ) $\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$ dengan $\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$ pada 77 K	123

## SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

$A$	Luas keratan rentas
Ag	Argentum, Perak
AT	Arus terus
AU	Arus ulang-alik
$B$	Medan magnet
$B_c$	Medan magnet genting
$B_i$	Ketumpatan fluks
$B_{c1}$	Medan magnet bawah
$B_{c2}$	Medan magnet atas
$B_{p\text{mak}}$	Medan magnet maksimum apabila $F_p = F_{p\text{mak}}$
$B_{\parallel}$	Medan magnet arah selari dengan permukaan pita
$B_{\perp}$	Medan magnet arah berserenjang dengan permukaan pita
Bi-2212	$\text{Bi}_2\text{Sr}_2\text{CaCu}_2\text{O}_8$
Bi-2223	$\text{Bi}_2\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$
BSCCO	Superkonduktor sistem Bi-Sr-Ca-Cu-O
BPSCCO	$(\text{Bi,Pb})_2\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$
CP	Teknik sepemendakan
$\text{CoFe}_2\text{O}_4$	Kobalt ferum (III) oksida
$\text{Co}_{0.5}\text{Ni}_{0.5}\text{Fe}_2\text{O}_4$	Kobalt nikel ferum (III) oksida
$D$	Ketebalan butiran
$\Delta T$	Julat suhu peralihan
ECTILT	Sempadan butiran sengetan paksi-c pingggiran
$E$	Medan elektrik
$F_L$	Daya Lorentz
$F_p$	Daya pengepitan
$F_{p\text{mak}}$	Daya pengepitan maksimum
$I$	Arus
$I_c$	Arus genting
$I_{H(2223)}$	Keamatan puncak fasa Bi-2223
$I_{L(2212)}$	Keamatan puncak fasa Bi-2212
IBAD	Teknik pemendakan ion dibantu alur


$J$	Ketumpatan arus
$J_c$	Ketumpatan arus genting
$L$	Panjang pencirian
$M$	Pemagnetan
$\text{NiF}_2$	Nikel fluorida
NPM	Nanozarah magnet
NRM	Nanorod magnet
PIT	Serbuk dalam tiub
RABiTS	Substrat berjalun dwipaksian berbantu gelekan
SEM	Mikroskop elektron imbasan
SQUID	Peranti interferens kuantum superkonduktor
SSR	Tindak balas keadaan pepejal
SST	Superkonduktor suhu tinggi
$T_c$	Suhu genting
$T_{c\text{-mula}}$	Suhu genting mula
$T_{c\text{-sifar}}$	Suhu genting sifar
TEM	Mikroskop elektron transmisi
$V_{2223}$	Pecahan isipadu fasa Bi-2223
$V_{2212}$	Pecahan isipadu fasa Bi-2212
XRD	Pembelauan sinar-X
YBCO	Itrium barium kuprum oksida
$\xi$	Panjang koheren kesuperkonduksian
$\lambda$	Kedalaman penusukan London

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 SEJARAH SUPERKONDUKTOR

Fenomena kesuperkonduksian pertama kali telah ditemui oleh seorang ahli fizik Belanda bernama Heike Kamerlingh Onnes dari University Leiden pada tahun 1911. Beliau yang membuat penyelidikan berkenaan kerintangan logam pada suhu terlampau rendah telah mendapati merkuri menunjukkan rintangan sifar apabila disejukkan ke suhu 4.2 K dengan menggunakan cecair helium. Rajah 1.1 merupakan graf pertama yang menunjukkan sifat kesuperkonduksian merkuri.



Rajah 1.1 Graf rintangan elektrik melawan suhu bagi merkuri oleh Heine Kamerlingh Onnes

Sumber: [http://www.fnal.gov/pub/today/archive/archive\\_2011/today11-04-08\\_readmore.html](http://www.fnal.gov/pub/today/archive/archive_2011/today11-04-08_readmore.html)


Berikutan penemuan itu, beliau telah menjalankan kajian yang sama terhadap bahan logam yang lain dan mendapati bahawa bahan logam dan aloi seperti plumbum, cadmium, aluminium dan vanadium-silikon juga adalah superkonduktor. Pada tahun 1930, suhu genting,  $T_c$  paling tinggi telah ditemui dalam bahan logam niobium (Nb) iaitu bernilai 9.3 K.

Pada tahun 1986, Bedornz dan Muller mendapati bahan campuran  $(\text{La,Ba})_2\text{CuO}_4$  adalah superkonduktor dengan suhu genting setinggi  $\sim 35$  K. Pada tahun berikutnya, Wu et al. (1987) menemui suhu genting seramik  $\text{YBa}_2\text{Cu}_3\text{O}_7$  adalah setinggi  $T_c = 92$  K. Penemuan ini adalah sangat penting kerana ia merupakan bukti pertama kewujudan superkonduktor suhu tinggi yang mempunyai suhu genting melebihi takat didih nitrogen cecair (77 K). Pada tahun 1988, Maeda et al. (1988) pula mencatat rekod  $T_c$  yang lebih tinggi iaitu 110 K dengan penemuan sistem Bi-Sr-Ca-Cu-O. Sheng dan Hermann (1988) juga menemui bahan sistem Tl-Ba-Ca-Cu-O dengan suhu genting setinggi 125 K. Antara kedua bahan ini, sistem bismut telah dikaji secara meluas manakala sistem talium kurang dikaji kerana bahan ini bersifat toksik.

Lima tahun selepas itu, Putilin et al. (1993) dan Schilling et al. (1993) telah menemui satu lagi sistem bersifat superkonduktor iaitu Hg-Ba-Ca-Cu-O yang mencatat suhu genting setinggi 134 K. Pada tahun yang sama, Chu et al. (1993) mendapati suhu genting bagi sistem ini meningkat sehingga 164 K apabila dikenakan tekanan melebihi 150 kbar.

Pada permulaan abad ke-21, Nagamatsu et al. (2001) melaporkan campuran magnesium diborida ( $\text{MgB}_2$ ) mempunyai  $T_c = 39$  K dan ianya berbeza dengan superkonduktor sebelum ini kerana ia bukan sistem superkonduktor yang berasaskan kuprum oksida. Seterusnya pada tahun 2006, Kamihara et al. (2006) telah menemui satu bahan superkonduktor berasaskan Fe dengan campuran La-O-Fe-P yang memberikan suhu genting 3.2 K. Akhir sekali, Chen et al. (2008) telah mendopkan LaOFeAs dengan fluorin dan mendapati  $\text{LaO}_{0.9}\text{F}_{0.1-\delta}\text{FeAs}$  menunjukkan  $T_c$  sekitar 26 K. Pada tahun yang sama, Ren et al. (2008) pula telah berjaya menghasilkan satu lagi bahan superkonduktor berasaskan besi arsenida (FeAs) iaitu  $\text{Pr}(\text{O}_{x-1}\text{F}_x)\text{FeAs}$  dan

mendapati komposisi  $\text{Pr}(\text{O}_{0.89}\text{F}_{0.11})\text{FeAs}$  mencapai  $T_c$  pada 52 K. Rajah 1.2 menunjukkan evolusi suhu genting superkonduktor mengikut tahun penemuannya.



Rajah 1.2 Evolusi perubahan suhu genting


Sumber: <http://www.ccas-web.org/superconductivity/>

## 1.2 SIFAT-SIFAT SUPERKONDUKTOR

### 1.2.1 Kerintangan elektrik sifar

Rintangan arus elektrik di dalam logam terhasil apabila elektron yang mengalir melalui logam tersebut diserakkan oleh bendasing, elektron-elektron lain ataupun getaran oleh kekisi fonon di dalam logam tersebut. Ini menyebabkan elektron kehilangan tenaga dan mengurangkan kelajuan elektron, seterusnya menghasilkan rintangan elektrik. Serakan elektron oleh elektron lain dan fonon berkadar terus dengan suhu logam tersebut, manakala serakan oleh bendasing tidak berkadar dengan suhu. Oleh itu, pada suhu terlampau rendah hanya serakan oleh bendasing yang akan menyebabkan rintangan elektrik.

Tetapi, seperti yang diterangkan sebelum ini, Kamerlingh Onnes mendapati rintangan elektrik turun kepada sifar apabila merkuri disejukkan sehingga suhu 4.2 K walaupun terdapat bendasing di dalam logam tersebut. Kejadian ini dinamakan fenomena kesuperkonduksian dan kerintangan elektrik sifar ini merupakan salah satu daripada sifat superkonduktor. Suhu apabila rintangan elektrik superkonduktor menjadi sifar ini dinamakan suhu genting,  $T_c$  (Rajah 1.3).



Rajah 1.3 Graf rintangan melawan suhu bagi suatu superkonduktor.  $T_c$  adalah suhu genting superkonduktor tersebut

### 1.2.2 Diamagnet sempurna

Satu lagi sifat superkonduktor adalah diamagnet sempurna. Fenomena ini telah ditemui pada tahun 1933 oleh Meissner dan Ochsenfeld. Mereka mendapati fluks magnet di dalam superkonduktor ditolak keluar apabila disejukkan sehingga suhu genting. Pada suhu  $T > T_c$ , apabila logam superkonduktor dimasukkan ke dalam medan magnet luar, fluks magnet akan masuk dan melalui logam tersebut secara sekata. Tetapi apabila disejukkan sehingga suhu  $T < T_c$ , satu arus elektrik akan terhasil pada permukaan superkonduktor dan arus ini menghasilkan satu medan magnet dalaman yang akan menolak keluar medan magnet luar tersebut (Rajah 1.4).


Penolakan keluar medan magnet ini dikenali sebagai kesan Meissner. Medan magnet efektif,  $B$  yang dihasilkan diberi seperti berikut,

$$B = \mu_0(M + H) \quad (1.1)$$

dengan  $\mu_0$  adalah kebolehtelapan magnet di dalam vakum,  $M$  adalah pemagnetan dan  $H$  adalah keamatan medan magnet luar. Menurut kesan Meissner,  $B = 0$ . Oleh itu,

$$\frac{M}{H} = \chi = -1 \quad (1.2)$$

dengan  $\chi$  adalah kerentanan magnet. Logam yang mempunyai nilai kerentanan magnet negatif dipanggil diamagnet.  $\chi = -1$  bermaksud tiada medan magnet yang boleh menembusi masuk superkonduktor dan sifat ini dikenali sebagai diamagnet sempurna.



Rajah 1.4 Interaksi bahan superkonduktor dengan medan magnet luar di dalam  
(a) keadaan biasa dan (b) keadaan mensuperkonduksi




## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 SEJARAH SUPERKONDUKTOR

Fenomena kesuperkonduksian pertama kali telah ditemui oleh seorang ahli fizik Belanda bernama Heike Kamerlingh Onnes dari University Leiden pada tahun 1911. Beliau yang membuat penyelidikan berkenaan kerintangan logam pada suhu terlampau rendah telah mendapati merkuri menunjukkan rintangan sifar apabila disejukkan ke suhu 4.2 K dengan menggunakan cecair helium. Rajah 1.1 merupakan graf pertama yang menunjukkan sifat kesuperkonduksian merkuri.



Rajah 1.1 Graf rintangan elektrik melawan suhu bagi merkuri oleh Heine Kamerlingh Onnes

Sumber: [http://www.fnal.gov/pub/today/archive/archive\\_2011/today11-04-08\\_readmore.html](http://www.fnal.gov/pub/today/archive/archive_2011/today11-04-08_readmore.html)


Berikutan penemuan itu, beliau telah menjalankan kajian yang sama terhadap bahan logam yang lain dan mendapati bahawa bahan logam dan aloi seperti plumbum, cadmium, aluminium dan vanadium-silikon juga adalah superkonduktor. Pada tahun 1930, suhu genting,  $T_c$  paling tinggi telah ditemui dalam bahan logam niobium (Nb) iaitu bernilai 9.3 K.

Pada tahun 1986, Bedornz dan Muller mendapati bahan campuran  $(\text{La,Ba})_2\text{CuO}_4$  adalah superkonduktor dengan suhu genting setinggi  $\sim 35$  K. Pada tahun berikutnya, Wu et al. (1987) menemui suhu genting seramik  $\text{YBa}_2\text{Cu}_3\text{O}_7$  adalah setinggi  $T_c = 92$  K. Penemuan ini adalah sangat penting kerana ia merupakan bukti pertama kewujudan superkonduktor suhu tinggi yang mempunyai suhu genting melebihi takat didih nitrogen cecair (77 K). Pada tahun 1988, Maeda et al. (1988) pula mencatat rekod  $T_c$  yang lebih tinggi iaitu 110 K dengan penemuan sistem Bi-Sr-Ca-Cu-O. Sheng dan Hermann (1988) juga menemui bahan sistem Tl-Ba-Ca-Cu-O dengan suhu genting setinggi 125 K. Antara kedua bahan ini, sistem bismut telah dikaji secara meluas manakala sistem talium kurang dikaji kerana bahan ini bersifat toksik.

Lima tahun selepas itu, Putilin et al. (1993) dan Schilling et al. (1993) telah menemui satu lagi sistem bersifat superkonduktor iaitu Hg-Ba-Ca-Cu-O yang mencatat suhu genting setinggi 134 K. Pada tahun yang sama, Chu et al. (1993) mendapati suhu genting bagi sistem ini meningkat sehingga 164 K apabila dikenakan tekanan melebihi 150 kbar.

Pada permulaan abad ke-21, Nagamatsu et al. (2001) melaporkan campuran magnesium diborida ( $\text{MgB}_2$ ) mempunyai  $T_c = 39$  K dan ianya berbeza dengan superkonduktor sebelum ini kerana ia bukan sistem superkonduktor yang berasaskan kuprum oksida. Seterusnya pada tahun 2006, Kamihara et al. (2006) telah menemui satu bahan superkonduktor berasaskan Fe dengan campuran La-O-Fe-P yang memberikan suhu genting 3.2 K. Akhir sekali, Chen et al. (2008) telah mendopkan LaOFeAs dengan fluorin dan mendapati  $\text{LaO}_{0.9}\text{F}_{0.1-\delta}\text{FeAs}$  menunjukkan  $T_c$  sekitar 26 K. Pada tahun yang sama, Ren et al. (2008) pula telah berjaya menghasilkan satu lagi bahan superkonduktor berasaskan besi arsenida (FeAs) iaitu  $\text{Pr}(\text{O}_{x-1}\text{F}_x)\text{FeAs}$  dan

mendapati komposisi  $\text{Pr}(\text{O}_{0.89}\text{F}_{0.11})\text{FeAs}$  mencapai  $T_c$  pada 52 K. Rajah 1.2 menunjukkan evolusi suhu genting superkonduktor mengikut tahun penemuannya.



Rajah 1.2 Evolusi perubahan suhu genting

Sumber: <http://www.ccas-web.org/superconductivity/>

## 1.2 SIFAT-SIFAT SUPERKONDUKTOR

### 1.2.1 Kerintangan elektrik sifar

Rintangan arus elektrik di dalam logam terhasil apabila elektron yang mengalir melalui logam tersebut diserakkan oleh bendasing, elektron-elektron lain ataupun getaran oleh kekisi fonon di dalam logam tersebut. Ini menyebabkan elektron kehilangan tenaga dan mengurangkan kelajuan elektron, seterusnya menghasilkan rintangan elektrik. Serakan elektron oleh elektron lain dan fonon berkadar terus dengan suhu logam tersebut, manakala serakan oleh bendasing tidak berkadar dengan suhu. Oleh itu, pada suhu terlampau rendah hanya serakan oleh bendasing yang akan menyebabkan rintangan elektrik.

## **BAB III**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **3.1 PENGENALAN**

Bab ini meliputi penyelidikan lepas yang telah dijalankan dalam penyediaan bahan superkonduktor, terutamanya terhadap superkonduktor sistem Bi-2223. Banyak kajian untuk mendapatkan keadaan optimum bagi menghasilkan sampel pukal dan pita superkonduktor yang bermutu tinggi. Maksud sampel bermutu tinggi di sini adalah sampel yang mempunyai suhu genting,  $T_c$  dan ketumpatan arus genting,  $J_c$  yang tinggi. Antara kaedah yang dilakukan adalah pengedapan dan pengantian separa pada atom Bi dan Cu di dalam sistem Bi-2223.

Faktor yang mempengaruhi  $J_c$  pita SST juga turut dibincangkan. Salah satu cara meningkatkan  $J_c$  adalah dengan penambahan zarah bersaiz nanometer ke dalam SST dengan tujuan mengepin fluks. Melalui pemerhatian, didapati penyelidikan pada masa ini lebih banyak tertumpu kepada kajian penambahan nanozarah ke dalam sampel pukal dan juga pita SST.

#### **3.2 PENYEDIAAN BAHAN SUPERKONDUKTOR SISTEM BSCCO**

Beberapa usaha telah dilakukan untuk memperoleh keadaan optimum bagi menghasilkan superkonduktor sistem Bi-2223 serta meningkatkan suhu genting bahan. Pengedapan merupakan suatu kaedah yang penting untuk menghasilkan bahan SST. Pengedapan biasanya tertumpu pada pengantian separa bagi Bi.

Bansal et al. (1991) telah mengoptimalkan keadaan pensinteran dan kandungan plumbum (Pb) dalam  $\text{Bi}_2\text{Sr}_2\text{Ca}_2\text{Cu}_3\text{O}_{10}$  untuk meningkatkan fasa Bi-2223. Mereka juga menyatakan bahawa kehadiran fasa Bi-2223 yang besar dalam bahan tidak semestinya memberikan sifat superkonduksian yang terbaik.

Bansal et al. (1990) juga telah mengkaji kerintangan Bi-Pb-Sr-Ca-Cu-O pada 77 K menunjukkan bahawa pengurangan kandungan oksigen menurunkan rintangan pada suhu bilik serta memperbaiki kesuperkonduksian. Mekanisme pendermaan lohong daripada peralihan cas dari Bi-O ke Cu-O juga dibincangkan.

Dorris et al. (1994) menyediakan pita superkonduktor sistem Bi-2223 dengan pengedapan Pb pada bahagian Bi. Komposisi Pb yang menggantikan Bi adalah 0.0 hingga 0.4. Pengedapan Pb didapati memperbaiki pembentukan fasa Bi-2223, memaparkan peralihan  $T_c$  yang lebih ketara dan memberikan  $J_c$  yang lebih tinggi.

Nguyen (1997) membandingkan komposisi pengedapan Pb pada bahagian Bi bagi sistem Bi-2212 dan Bi-2223. Beliau melaporkan bahawa lengkung graf  $T_c$  melawan komposisi Pb bagi kedua-dua Bi-2212 dan Bi-2223 adalah berbentuk parabola.  $T_c$  meningkat dengan komposisi Pb dalam Bi-2212 dan Bi-2223 untuk memperoleh  $T_c$  tertinggi adalah 0.3 dan 0.2 masing-masing.

Sykorova et al. (1997) melakukan kajian ke atas pengedapan vanadium (V), mangan (Mn) dan antimoni (Sb) pada Bi dalam Bi-Pb-Sr-Ca-Cu-O (BPSCCO). Penggantian separa dengan V dan Mn pada kadar 0.2 - 0.6 dengan Pb ditetapkan pada 0.8, memberikan fasa Bi-2223 yang tinggi sehingga 87%. Suhu genting yang dicapai masing-masing adalah 110 K dan 105 K. Kehadiran Sb dalam sampel membawa kepada penurunan fasa Bi-2223 dan pengedapan Sb sebanyak 0.6 menunjukkan sifat semikonduktor kerana pengikatan antara butiran menjadi lemah.

Gul et al. (2005) memperkenalkan vanadium dan barium kepada sistem BPSCCO untuk memperbaiki fasa Bi-2223. Mereka menggantikan Bi dengan V dan Sr dengan Ba. Sampel dengan pengedapan V dan Ba masing-masing menunjukkan peningkatan fasa Bi-2223 berbanding dengan sampel tanpa pengedapan.  $T_c$  yang

dicapai dengan pengedopan adalah dalam lingkungan 104 – 108 K. Kedua-dua pengedopan V dan Ba juga meningkatkan  $J_c$ .

Selain daripada pengedopan pada bahagian Bi, penggantian secara separa pada Sr dan Ca juga dilakukan. Biju et al. (2006) menggantikan Sr dalam BPSCCO 2212 dengan unsur nadir bumi gadolinium (Gd).  $T_c$  adalah maksimum pada kadar pengedopan 0.3 manakala  $J_c$  adalah maksimum pada kadar pengedopan 0.2. Peningkatan  $T_c$  dan  $J_c$  disebabkan penggantian Sr oleh Gd telah mngurangkan kepekatan lohong pada satah  $\text{CuO}_2$  dan seterusnya membawa kepada ketidakhomogenan pada lapisan cas.

Satu lagi usaha ialah menggantikan kalsium dengan perak, boron dan niobium. Khan et al. (1997) mendapati pengedopan B pada Ca telah meningkatkan tenaga pengaktifan sampel. Ini bermakna kestabilan terma Bi-2223 telah ditingkatkan. Pengedopan B dan Nb menurunkan suhu genting sampel, tetapi pengedopan Ag bukan sahaja tidak mengganggu kesuperkonduksian sampel malah memberikan peningkatan  $J_c$  pada 77 K disebabkan oleh pemulihan rangkaian di antara butiran.

Di samping itu, teknik-teknik penyediaan BSCCO juga memainkan peranan yang penting untuk menghasilkan sampel yang bermutu tinggi. Teknik yang biasa dijalankan adalah seperti tindak balas keadaan pepejal (SSR), kaedah sepemendakan (COP), kaedah sol-gel dan kaedah separa peleburan. Antara kaedah yang paling kerap dipilih adalah tindak balas keadaan pepejal. SSR melibatkan beberapa proses ringkas yang berulang seperti pengisaran, pemanasan dan penyejukan sampel. Kaedah sepemendakan pula melibatkan pencampuran serbuk di dalam larutan, pemendakan, penurasan dan diikuti pengkalsinan dan pensinteran yang berulang. Setiap teknik yang disebutkan memerlukan suhu pensinteran dan tempoh pensinteran yang berbeza untuk menghasilkan sampel yang berkualiti tinggi. Walau bagaimanapun, masih terdapat kelemahan pada teknik masing-masing seperti keporosan, ketidakhomogenan, ketidakseimbangan stoikiometri dan pembentuka fasa sekunder. Terdapat beberapa kajian telah menunjukkan perubahan suhu pensinteran dengan penambahan elemen kepada BSCCO.